




UNDANG JOHOL

TUNKU BESAR TAMPIN

● PETA NEGERI SEMBILAN INI MENUNJUKKAN DAERAH DIKUASAI OLEH UNDANG MENGIKUT ADAT PERPATIH.



Cara Luak Sungai Ujong pilih Datuk Kelana

SEREMBAN, Selasa — Sistem pemilihan dan perantikan Undang Luak Sungai Ujong berbeza daripada sistem yang diamalkan di tiga luak Undang yang lain di Negeri Sembilan.

Pemilihannya bermula dengan pembentukan sebuah jawatankuasa pe-

milihan Undang yang dianggotai oleh tiga orang, iaitu Datuk Jonan selaku Tua Waris Perut Ulu dan Datuk Maharajalela selaku Tua Waris Perut Hilir.

Anggota ketiga jawatankuasa ini ialah seorang Waris tertua yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai urusan pentadbiran adat dan pesaka Luak Sungai Ujong.

Penghulu

Bagaimanapun, jawatankuasa ini tidak semestinya dianggotai oleh Datuk Johan dan Datuk Maharajalela selaku Tua Waris Perut Ulu dan Perut Hilir.

Ini berlaku dalam pemilihan dan perantikan Undang kesembilan, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid, pada tahun 1946.

Jawatankuasa pemilihan ketika itu dianggotai oleh Ibu Soko Tertua (Perempuan) yang mewakili Perut Ulu dan adik lelaki kepada Datuk Maharajalela yang mewakili Perut Hilir. Anggotanya yang ketiga ialah seorang bekas penghulu.

Jika tiga anggota jawatankuasa ini gagal

mencapai kata sepakat mengenai pemilihan seorang calon bakal penyandang pesaka Datuk Kelana, maka kuasa pemilihan terserah kepada empat Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong yang diketuai oleh Datuk Andika Mendelika.

Tiga lagi Datuk Lembaga berkenaan ialah Datuk Seri Maharaja Diraja, Datuk Akhir Zaman Rantau dan Datuk Penghulu Dagang Parol.

Lazimnya, jawatankuasa berkenaan akan menyerahkan satu senarai yang mengandungi nama-nama calon Datuk Kelana kepada empat Lembaga Tiang Balai berkenaan menerusi Datuk Andika Mendelika.

Sepakat

Jika empat Lembaga Tiang Balai masih gagal mencapai kata sepakat mengenai pemilihan bakal penyandang pesaka Datuk Kelana, maka kuasa muktamad terletak di tangan Datuk Andika Mendelika.

Manakala kuasa mengisytiharkan perantikan Datuk Kelana pula terletak di tangan Datuk Andika Mendelika selaku Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong.